



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA |

FAKTA &
ANGKA

| MEDIA |

DIREKTORI
KAKITANGAN

| LOKASI |

PETA
LAMAM

| SOALAN
LAZIM

| HUBUNGI
KAMI

CARI



Selasa, Januari 15, 2013

MENGENAI KAMI

PENYELIDIKAN

AKADEMIK

JARINGAN

ANTARABANGSA

KEHIDUPAN KAMPUS

PERKHIDMATAN

| A- | A |
A+ | ENGLISH

Berita » UPM bantu melestarikan pengkomersialan industri gaharu di Malaysia



BUKIT JALIL, 18 DIS – Seminar Kebangsaan dan Pameran Gaharu 2012 berjaya membincangkan maklumat terkini mengenai kaedah penanaman dan rangsangan penghasilan gaharu bagi pengusaha ladang karas dan industri berasaskan gaharu.

Pengerusi Seminar Kebangsaan dan Pameran Gaharu 2012, Prof. Dr. Hamami Sahri berkata seminar itu merupakan platform terbaik untuk peserta mempelajari kaedah penggedaran baharu, pemprosesan minyak, amalan pemasaran dan promosi hasil gaharu di Malaysia.

“Seramai 24 pakar industri gaharu daripada ahli akademik, wakil jabatan kerajaan, pemimpin organisasi, pengusaha ladang dan pengguna produk gaharu akan membentangkan kertas kerja,” katanya.



Seminar itu merupakan kesinambungan dari Seminar dan Pameran Gaharu 2010 yang telah diadakan pada tahun 2010.

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata pokok karas yang menghasilkan gaharu semakin berkurangan dan diancam kepupusan manakala permintaan negara pengimport semakin bertambah.

“Sekiranya tiada usaha untuk penanaman semula, Malaysia tidak mungkin dapat menjadi pengeksport hasil gaharu yang tinggi nilai permintaannya ke negara-negara Timur Tengah, Taiwan dan Jepun.

“Usaha penanaman semula spesies ini harus dipergiat bagi mengelakkan kepupusan akibat aktiviti pengambilan gaharu secara berleluasa tanpa kawalan.

Pengerusi Landskap Malaysia, Tun Jeane Abdullah turut hadir membentangkan kertas kerja bertajuk Pengurusan Sumber Pokok Karas, Polisi, Pasaran dan Promosi Industri Produk Gaharu dan Inovasi dan Teknologi Gaharu pada seminar itu.

